




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



Laporan Peperiksaan STPM 2018

Bahasa Arab (913)





Laporan Peperiksaan STPM 2018

Bahasa Arab (913)



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
PETALING JAYA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188
Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com
e-mel: enquiry@sasbadi.com

Majlis Peperiksaan Malaysia,
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1295-9

KANDUNGAN

Bahasa Arab (913/1)	<i>1 – 3</i>
Bahasa Arab (913/2)	<i>4 – 6</i>
Bahasa Arab (913/3)	<i>7 – 9</i>

BAHASA ARAB (913/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1 788 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 47.88% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.94	3.69	3.41	4.64	9.34	7.16	12.70	4.36	7.77	3.75	36.24

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah lemah. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 66 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon mendapat markah terendah, iaitu 7 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Satu soalan, iaitu soalan 1 ialah soalan yang berbentuk kefahaman. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam soalan tersebut biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta mudah difahami. Empat soalan, iaitu soalan 6, 7, 8, dan 9 ialah soalan yang berbentuk aplikasi, manakala soalan 1, 2, 3, 4, dan 5 pula ialah soalan berbentuk karangan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN I: Kefahaman

Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), (d), dan (e) menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Terdapat juga calon yang sukar memahami teks yang diberikan. Mereka memetik mana-mana ayat atau bahagian petikan untuk dijadikan jawapan tanpa mengambil kira kehendak soalan. Hal ini demikian kerana calon tidak mampu mengolah jawapan dengan menggunakan gaya bahasa mereka selain tidak memahami soalan dan teks yang diberikan. Soalan (f) pula menghendaki calon memberikan perkataan berlawanan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam perbendaharaan kata. Soalan (g) pula menghendaki calon membariskan setiap perkataan yang bergaris di bawahnya. Walaupun perkataan tersebut mudah dan biasa digunakan, namun kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam tatabahasa dan saraf.

BAHAGIAN II: *Karangan*

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menerangkan tentang kebersihan alam sekitar yang menjadi bukti ketamadunan manusia. Calon sepatutnya mengaitkan antara kebersihan dengan ketamadunan. Tetapi ramai antara mereka hanya menulis tentang sebab-sebab berlakunya pencemaran dan cara-cara mengatasinya. Hal inilah yang menyebabkan mereka hanya memperolehi markah yang sedikit. Terdapat calon yang mengemukakan isi-isi secara mendatar dan tidak berfokus. Kesalahan tatabahasa sama ada *saraf* atau nahu dan pembinaan ayat yang amat lemah banyak berlaku ketika calon-calon mengemukakan isi-isi penting dan huraiannya.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga tanggungjawab warganegara dalam menjaga serta menjamin keamanan serta keselamatan negara. Soalan ini agak popular dalam kalangan calon. Sebenarnya soalan ini adalah mudah, namun ramai calon yang gagal mengemukakan karangan yang bertepatan dengan tajuk. Antara huraian yang tidak menepati tajuk ialah, cinta kepada negara secara umum dan kewajipan kepada negara secara umum.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan cara bekerjasama atau tolong-menolong dalam pembelajaran. Soalan ini adalah soalan yang agak mudah, namun ramai yang gagal menjawab soalan dengan baik. Terdapat calon yang memberikan jawapan secara tidak berfokus atau terkeluar terus daripada tajuk seperti calon memberikan contoh tolong-menolong membersihkan bilik darjah sebelum pembelajaran bermula. Tolong-menolong yang dikehendaki sebenarnya ialah tolong-menolong dalam menimba ilmu seperti membantu kawan mencari maklumat dan sebagainya.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sambutan perayaan Maulidul Rasul yang diadakan di sekolah. Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik walaupun ia bukan soalan yang sukar. Kebanyakan calon hanya menyentuh tentang masa sambutan tersebut dan kepentingan meraikannya. Hal inilah yang menyebabkan mereka kehilangan markah. Calon sepatutnya menerangkan lokasi sambutan tersebut seperti di surau sekolah, seterusnya peserta dan program yang dijalankan. Pada kebiasaannya, sambutan tersebut dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran diikuti dengan selawat ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW, seterusnya ceramah agama tentang perjuangan baginda dan pada akhirnya diadakan jamuan ringan bagi meraikan tetamu-tetamu yang turut serta dalam majlis tersebut.

BAHAGIAN III: *Saraf*

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon mengisikan tempat kosong dengan ganti nama yang diberikan dalam tanda kurung. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan ilmu *saraf*. Calon sepatutnya mengenal pasti jenis ganti nama yang diberikan sebelum menyesuaikan dengan ayat yang diberikan. Soalan (b) pula menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan menggunakan *isim mausul* yang diberikan dalam tanda kurung. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab soalan dengan baik. Mereka mengemukakan jawapan dengan gunakan perkataan yang biasa digunakan dan mudah difahami tanpa banyak melakukan kesilapan.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon membina ayat menggunakan kata kerja yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan ilmu *saraf*. Calon sepatutnya mengenal pasti maksud setiap kata kerja yang diberikan dan menggunakannya dalam ayat yang betul. Soalan (b) pula menghendaki calon membina ayat menggunakan *isim syarat* yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawab dengan baik. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan ilmu *saraf*, terutamanya dalam tajuk *syarat*. Calon sepatutnya mengenal pasti *isim syarat* dan fungsinya sebelum membina ayat yang betul.

BAHAGIAN IV: *Qawaid*

Soalan 8

Soalan (a) ini menghendaki calon mengisikan tempat kosong dengan kata nama yang diberikan dalam tanda kurung. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Terdapat calon yang menjawab soalan yang berkaitan tajuk *mubtada'* ini tetapi tidak dapat menyesuaikan dengan khabarnya dari segi *muzakkar*, *muannas*, *mufrad*, *musanna*, dan *jamak*. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan tatabahasa, terutamanya topik *mubtada'* dan *khobar*. Soalan (b) pula menghendaki calon membina ayat menggunakan kata nama yang diberikan. Calon boleh memilih sama ada menjadikan kata nama tersebut sebagai *mubtada'* atau *khobar* mengikut kesesuaian kata nama tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan tatabahasa selain lemah dalam memahami maksud perkataan yang diberikan sehingga calon sukar menggunakan perkataan tersebut di dalam ayat.

Soalan 9

Soalan (a) ini menghendaki calon membina ayat menggunakan kata nama *fail* yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Mereka menjawab secara meneka dengan meletakkan kata nama tersebut di awal ayat. Hal yang demikian menyebabkan kata nama tersebut menjadi *mubtada'*, bukannya *fail*. Hal ini demikian kerana calon tidak menguasai topik tersebut selain lemah penggunaan bahasa. Soalan (b) pula menghendaki calon mengisikan tempat kosong dengan *huruf jar* yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Hal ini demikian kerana calon menguasai topik tersebut.

BAHASA ARAB (913/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 775 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 49.64% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.24	4.34	4.79	8.28	6.82	11.83	8.34	4.11	7.55	3.89	34.82

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 54 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu dua markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Satu soalan, iaitu soalan 1 ialah soalan yang beraras rendah. Bagi soalan 6, 7, 8, dan 9 pula ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 2, 3, 4, dan 5 ialah soalan aras tinggi.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN I: Kefahaman

Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), dan (d), menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Terdapat juga sebilangan kecil calon yang menjawab soalan dengan menggunakan gaya bahasa teks yang diberikan, tidak menggunakan gaya bahasa sendiri. Hal ini demikian kerana calon tersebut lemah dalam bidang nahu dan *saraf*. Soalan (e) pula menghendaki calon memberikan perkataan berlawanan bagi setiap perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat memahami maksud perkataan tersebut selain lemah dalam perbendaharaan kata dan ilmu *saraf*.

BAHAGIAN II: Karangan

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyatakan jenis aktiviti sukan atau senaman yang disukai berserta dengan menerangkan sebab pemilihan dan cara melakukannya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya menerangkan beberapa jenis senaman atau riadah tanpa menyatakan sebab pemilihan dan cara melakukannya. Hal ini demikian kerana calon tidak

faham kehendak soalan selain tidak menguasai perbendaharaan kata. Calon sepatutnya mengenal pasti beberapa contoh senaman yang biasa dilakukannya dan menerangkan sebab calon menyukai aktiviti tersebut.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kaedah pendidikan ibu bapa terhadap calon dan kesannya terhadap kehidupan mereka. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat memberikan isi dan idea yang tepat, jelas, dan konkrit. Antara jawapan yang diberikan calon ialah ibu bapa mendidik mereka dengan ilmu dan penuh kasih sayang sehingga mereka dapat menjadi anak yang mengenang jasa, menghormati orang yang lebih berusia, dan mengasihi orang yang lebih muda. Calon juga menerangkan bahawa dengan didikan daripada ibu bapa, mereka yakin akan menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kebaikan negara Islam yang disukai oleh calon dengan menerangkan sebab mereka menyukainya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara negara yang disukai oleh calon ialah negara Arab Saudi di mana di situlah terletak dua tanah suci bagi orang Islam iaitu Mekah dan Madinah. Ada juga calon yang menamakan Turki sebagai negara yang disukainya. Selain ia sebuah negara Islam yang kini berkembang pesat, ia juga mempunyai banyak tempat yang indah dan menarik untuk dilawati.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menulis satu surat rasmi kepada pengetua sekolah untuk meminta izin dan bantuan kewangan bagi mengadakan program minggu bahasa Arab di sekolah. Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini ialah calon dapat menulis esei berformatkan surat kiriman rasmi dengan baik. Kebanyakan calon memilih soalan ini dengan anggapan bahawa ia soalan mudah, tetapi masih ramai calon yang tidak dapat memahami tugas sebenar yang dikehendaki oleh soalan ini, menyebabkan ada surat kiriman yang ditulis terkeluar daripada tajuk dan kehendak sebenar tugas soalan. Mereka tidak memahami tugas sebenar soalan dan tidak berkemahiran menukar ayat atau gaya bahasa yang dikemukakan oleh soalan. Sebaliknya mereka hanya menyalin semula ayat dan ungkapan berkenaan dalam bentuk isi surat kiriman tanpa mengambil kira kaedah tatabahasa *sarf* dan nahu. Sepatutnya, calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan jawapan berupa sepucuk surat kiriman rasmi seperti menyatakan alamat calon (penulis) dengan jelas dan bertarikh, nama pengetua sekolah dan alamat, meminta izin dan bantuan kewangan bagi mengadakan program minggu bahasa Arab di sekolah, ucapan penutup surat, dan tandatangan calon.

BAHAGIAN III: *Saraf*

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon mengubah kata kerja yang diberikan kepada kata nama *masdar*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini demikian kerana calon menguasai bidang *saraf* terutamanya *isim masdar* selain dapat memahami makna setiap perkataan yang diberikan. Soalan (b) pula menghendaki calon menyatakan huruf tambahan yang terdapat dalam kata kerja yang diberikan dan menyatakan *wazannya*. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Terdapat juga calon yang menjawab soalan secara meneka dan tidak mengikut kaedah yang ditentukan. Hal ini demikian kerana calon tidak memahami makna perkataan tersebut selain lemah dalam *saraf*. Calon sepatutnya menganalisis kata kerja tersebut dengan

cara mengenal pasti kata dasar atau asal perkataan tersebut sebelum menentukan huruf tambahan dan *wazan* bagi setiap kata kerja tersebut.

BAHAGIAN IV: *Qawaid*

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti *maf'ul mutlak* bagi setiap ayat yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan nahu, terutamanya tajuk yang berkaitan dengan *maf'ul mutlak*. Soalan (b) pula menghendaki calon mengenal pasti jenis-jenis *khobar* bagi setiap ayat yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka dapat menjawab empat daripada lima soalan yang diberikan. Namun demikian, terdapat juga calon yang tertukar antara *khobar jar majrur* dan *khobar zaraf*. Hal ini demikian kerana calon kurang menguasai kaedah pembinaan ayat yang mengandungi kedua-dua unsur tersebut.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon mengubah perkataan yang diberikan menjadi *isim tafdhil* dan menggunakannya dalam ayat yang lengkap. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah tulis kerana terdapat dua kaedah pembinaan *isim tafdhil*. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *isim tafdhil*. Soalan (b) pula menghendaki calon mengubah angka yang diberikan dan menulisnya dengan perkataan dan mengubah beberapa perkataan lain jika perlu. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *al-adad*. Calon sepatutnya memastikan *al-adad* dalam setiap ayat yang diberikan dan menyesuaikannya dengan *makdudnya* dari segi *taknis*, *tazkir*, *mufrad*, dan *jamak*.

BAHAGIAN V: *Balaghah*

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti *adat tashbih* dan menerangkan jenis *tashbih* bagi ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat mengenal pasti jenis *tashbih* bagi contoh yang diberikan. Soalan (b) mengenal pasti unsur *istiarah* dalam ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mengenal pasti perkataan yang mengandungi unsur *istiarah* dengan menyatakan cirinya. Soalan (c) pula menghendaki calon mengenal pasti unsur *tibaq* bagi perkataan yang diberikan. Walaupun soalan ini berada pada aras kemahiran tinggi, kebanyakan calon dapat mengenal pasti unsur *tibaq* dengan betul. Secara umumnya, calon dapat menjawab soalan bahagian *balaghah* ini dengan baik. Hal ini demikian kerana contoh ayat al-Quran dan puisi yang diberikan menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas. Namun demikian, terdapat beberapa kesilapan yang dilakukan oleh calon terutamanya dari aspek ejaan.

BAHASA ARAB (913/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 772 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 40.17% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.67	3.95	3.10	6.38	5.02	9.99	4.06	5.87	11.85	5.76	36.34

RESPONS CALON

KERTAS 913/3 (Semester 3)

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada Semester ini adalah lemah. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 42 markah daripada markah penuh 50 markah dan seorang calon memperoleh satu markah.

Prestasi calon dalam bahagian meringkaskan karangan dan sastera adalah lemah. Berdasarkan respons calon, satu soalan 1, 2, dan 3 ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 4 dan soalan 5 ialah soalan aras tinggi.

Prestasi calon juga lemah, terutama dalam bahagian *Adab* dan *Nusus*. Kebanyakan calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka memberikan jawapan yang lain daripada yang dikehendaki.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN I: Kefahaman

Soalan 1

Soalan (a), menghendaki calon meringkaskan teks yang diberikan dengan bilangan perkataannya tidak melebihi 60 patah perkataan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Kebanyakan mereka hanya memindahkan potongan ayat dari petikan yang diberikan sahaja kerana mereka tidak dapat membina ayat sendiri. Mereka sukar untuk memahami teks yang diberikan walaupun bahasa dan perkataan yang digunakan adalah sederhana kesukarannya. Calon sepatutnya mengambil isi-isi penting terlebih dahulu sebelum mengolahnya menjadi satu ringkasan dengan menggunakan gaya bahasa mereka sendiri. Soalan (b) pula menghendaki calon membincangkan pernyataan yang menyatakan bahawa Pulau Sentosa menyerupai sebuah taman hiburan yang luas. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka hanya menyalin beberapa ayat daripada perenggan tersebut untuk dijadikan jawapan. Hal ini disebabkan calon kurang menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Calon sepatutnya memahami kandungan teks dalam perenggan tersebut sebelum menerangkan pernyataan tersebut.

BAHAGIAN II: *Saraf*

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon membina ayat lengkap yang mempunyai ciri-ciri kata kerja seperti yang dinyatakan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak dapat menggunakan kata kerja tersebut dalam ayat yang lengkap. Soalan (b) pula menghendaki calon menukarkan semua *kata nama mufrad* yang diberikan kepada *jama'* dan menggunakannya dalam ayat yang lengkap. Kebanyakan calon dapat menukarkannya kepada *jama'*. Namun demikian, terdapat juga calon yang hanya dapat menukar kata nama tersebut kepada kata nama *jama'* tetapi tidak dapat menggunakannya dengan betul. Hal yang demikian disebabkan kelemahan calon dalam ilmu *saraf*.

BAHAGIAN III: *Nahu*

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon mengisi tempat kosong menggunakan pilihan huruf *jar* yang disediakan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawab dengan baik. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan pecahan nombor tiga dengan baik kerana kurang faham dengan contoh ayat yang diberikan. Calon sepatutnya mengenal pasti huruf *jar* sebelum menyesuaikan dengan ayat yang diberikan. Soalan (b) pula menghendaki calon membetulkan kesalahan tatabahasa dalam ayat yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan *nahu*, terutamanya berkaitan *taknis* dan *tazkir*.

BAHAGIAN IV: *Sastera*

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan empat tema puisi yang terdapat pada zaman moden. Kebanyakan calon menjawab secara meneka kerana lemah dalam mengingat fakta yang berkaitan tema puisi zaman moden. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan nama penulis puisi tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah eja nama penulis puisi. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan puisi tersebut. Soalan (c) pula menghendaki calon menerangkan maksud dalam rangkap kedua puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (d) pula menghendaki calon menyatakan unsur *balaghah* yang terdapat dalam rangkap ketiga puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam aspek gaya bahasa selain tidak memahami unsur *balaghah* tersebut.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan tiga tema khutbah yang terdapat pada zaman Umawi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah menjawab dengan menyatakan ciri tema khutbah zaman Islam. Hal ini demikian kerana kelemahan calon dalam mengingat fakta yang berkaitan. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan nama penulis khutbah tersebut dan tujuan khutbah tersebut ditulis. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab satu daripada dua soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat memahami teks khutbah yang diberikan. Soalan (c) menghendaki calon menerangkan maksud dua perkataan yang

terdapat dalam prosa tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian terdapat juga calon yang tersalah menjawab dengan menyalin dan memetik mana-mana perkataan dan ayat untuk dijadikan jawapan. Soalan (d) pula menghendaki calon menyatakan unsur *balaghah* yang terdapat dalam ayat yang bergaris dalam khutbah tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam aspek gaya bahasa selain tidak memahami unsur *balaghah* tersebut.

Laporan Peperiksaan **STPM 2018**



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com e-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,

68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

e-mel: ppa@mpm.edu.my

ISBN 978-983-77-1295-9



9 789837 712959